

08 JUL 1998

TAK PERLU JAWATANKUASA PENYIASAT BEBAS, KATA SHAHIDAN

KANGAR, 8 Julai (Bernama) -- Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim menolak cadangan supaya sebuah jawatankuasa penyiasat bebas diwujudkan bagi mengenal pasti punca kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Parlimen Arau Sabtu lepas.

Shahidan yang juga Pengerusi BN negeri berkata, tugas itu boleh dilakukan oleh jawatankuasa UMNO Bahagian Arau atau Badan Perhubungan UMNO Negeri.

Isnin lepas, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid mencadangkan penubuhan jawatankuasa penyiasat bebas itu untuk dianggotai oleh anggota-anggota Majlis Tertinggi UMNO bagi mengesan punca sebenar kekalahan BN pada pilihan raya kecil itu.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin UMNO Bahagian Kangar di sini hari ini, Shahidan berkata post mortem mengenai kekalahan itu sedang dilaksanakan.

"Satu laporan lengkap akan diserahkan Perdana Menteri yang juga Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secepat mungkin," katanya.

Sementara itu, semasa berucap pada majlis perjumpaan itu, beliau meminta seluruh pemimpin UMNO di negeri ini tidak mudah lemah semangat dengan kekalahan itu, sebaliknya perlu berusaha menguatkan parti bagi merampas semula kerusi parlimen itu.

Dalam pilihan raya kecil itu, calon BN Ismail Kassim tewas kepada calon PAS Haji Hashim Jasin bagi kerusi yang dahulunya diwakili oleh BN.

-- BERNAMA

RIS MAI